



“Tidak akan sampai kepada Allah daging-dagingnya dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah ketakwaan kamu.”  
*Maksud Al-Haj : 37*

*Allahu akbar Allahu akbar Allahu akbar walillahilham...*

“Program Korban Eidhul Adha dan Aqiqah di Kemboja 1425H telah selamat dilaksanakan. Pada tahun ke 11 program ini, 1177 ternakan Korban dan Aqiqah telah disempurnakan di seluruh Kemboja. Agihan mengikut jenis ibadah dan ternakan dan perbandingan dengan tahun lepas ialah seperti berikut:

KORBAN		
Ternakan	1425H	1424H
Lembu	883	823
Kambing	8	12

AQIQAH		
Ternakan	1425H	1424H
Lembu	171	199
Kambing	115	144



Pada Hari Raya Eidhul Adha, 21 Januari 2005 bersamaan 10 Zulhijjah 1425H ternakan korban mula disembelih dan daging-daging korban diagihkan kepada semua keluarga Islam di Kemboja. Daging aqiqah pula telah dimanfaatkan untuk jamuan kahwin, jamuan untuk masyarakat Islam dan jamuan sempena perasmian masjid.”

Haji Che Mazlan Saad

*Pengerusi Program Korban Eidhul Adha & Aqiqah Di Kemboja 1425H.*

*Perasmian Program Di Masjid Nuruddin, Thbong Khmom, Kemboja*



“Tidak ada satu amalan yang paling dicintai oleh Allah daripada Bani Adam ketika Hari Raya Eidul Adha selain menyembelih haiwan korban.” *Maksud Hadith Nabi*

“Maka dengan ini saya mengesahkan pelaksanaan Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja untuk tahun 1425Hijrah... Saya juga mengesahkan bahawa ibadah Korban dan Aqiqah yang dilaksanakan telah memenuhi hukum-hukum syara' sebagaimana yang dikehendaki... Semoga ibadah Korban dan Aqiqah yang disempurnakan mendapat keredhaan Allah ta'ala.”



*Petikan surat pengesahan Mufti Kerajaan Kemboja.*



*Surat Pengesahan dan Pelaksanaan Korban Eidul Adha & Aqiqah di kemboja 1425H daripada Mufti Kemboja.*

*Orang kampung sibuk melapah dan mengagihkan daging lembu*





“Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tidak ada sekutu bagi-Nya dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama menyerahkan diri kepada Allah.”

*Maksud Al-An'am : 162*

Majlis perasmian diadakan pada Hari Raya Korban 10 Zulhijjah 1425H bersamaan 21 Januari 2005 di Masjid Nuruddin, Rakapopram 1, Rakapopram, Thbong Khmom, Kampung Cham.

*Mufti Kemboja bersama para jemaah selepas khutbah Hari Raya Korban*

“Tidak ada suatu amalan yang paling dicintai oleh Allah daripada Bani Adam ketika Hari Raya Eidhul Adha selain menyembelih haiwan Korban”

*Maksud Hadith Nabi*



*Pengerusi program menunaikan amanahnya*

*891 ekor ternakan korban telah disempurnakan di seluruh Kemboja*



“Maka makanlah olehmu sebahagian daripadanya dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan oleh orang yang sengsara lagi fakir.” *Maksud Al-Hajj : 28*

Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Kemboja menetapkan agihan seekor lembu bagi setiap 100 buah keluarga dalam sesuatu kampung.

*Seorang ibu sedang membawa pulang daging korban yang diterima*

*Peserta Korban dari Malaysia sedang mengagihkan daging korban kepada orang kampung*



Jawatankuasa Agihan Daging Korban disusun di setiap kampung agar setiap keluarga dalam kampung tersebut dapat merasai daging korban walaupun sedikit.

*Gotong-royong untuk membahagikan daging korban*



“Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkaran) dengan aqiqahnya yang disembelih untuk dia ketika hari ketujuh dan dicukur, lalu diberi nama.”

*Maksud Hadith*



Pelaksanaan ibadah Aqiqah dilaksanakan sepanjang tahun. Penyertaan A001 disempurnakan pada 10 Mac 2004 di O Andang, Prek Pra, Mean Chey, Phnom Penh, Kemboja dan penyertaan akhir A286 bagi tahun 1425H disempurnakan pada 24 Januari 2005 di Jamiul Akfa, Pong Ro, Chhlong, Kampung Cham, Kemboja.



Ramai pasangan yang berkahwin mengharapkan lembu ataupun kambing aqiqah untuk jamuan perkahwinan. Sering juga seekor lembu dikongsi bersama oleh dua atau tiga pasangan pengantin.

Jamuan aqiqah juga dimanfaatkan untuk program kemasyarakatan seperti perasmian masjid, jamuan untuk murid-murid madrasah serta program ceramah Mufti.

*Jamuan aqiqah biasanya melibatkan gotong-royong penduduk kampung*



“Orang yang berpuasa memperoleh dua kebahagiaan. Pertama setelah berbuka dan kedua apabila berjumpa dengan Tuhannya pada hari Kiamat kelak.” *Maksud Hadith*

Untuk mendapatkan keberkatan bulan Ramadhan 5% yuran penyertaan program Korban & Aqiqah yang diterima sebelum 25 Ramadhan 1425H bersamaan 8 November 2004 diperuntukkan untuk Program Berbuka Puasa di Kemboja.



*Sumbangan dari Malaysia*

Jumlah peruntukan termasuk derma para dermawan: RM25,962.25



Ibadah Aqiqah telah disempurnakan bagi para peserta untuk sijil A038-A104 pada bulan Ramadhan 1425H ini:


Lembu Aqiqah	35 ekor
Kambing Aqiqah	31 ekor

Agihan wang untuk berbuka puasa: Mufti Kerajaan Kemboja juga mengesahkan menerima sumbangan daripada Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Surau Al-Islah Shah Alam dan para dermawan sebanyak USD 12676.00.

*Berbuka puasa dengan nasi dan kari daging aqiqah ala Kemboja*



# Tempat Pelaksanaan Ibadah Korban & Aqiqah 1425H



● Bilangan ternakan korban & aqiqah yang disempurnakan.

Bilangan Ternakan Korban & Aqiqah

# Ketentuan Mufti Kerajaan Kemboja Syarat Pelaksanaan Ibadah Korban & Aqiqah

## **Penerimaan Sijil Nama-Nama Peserta Korban & Aqiqah Serta Wang Bagi Pembelian Lembu Atau Kambing**

Tanggungjawab ini hanya akan diserahkan kepada imam-imam Masjid, guru agama dan wakil-wakil urusan yang dipilih oleh Mufti Kerajaan Kemboja.

## **Syarat-Syarat Lembu Korban & Aqiqah**

Lembu untuk ibadah Korban & Aqiqah hendaklah berumur lebih 2 tahun, tidak sakit, tidak cacat, tidak kurus, tidak buta dan tidak bunting.

## **Penjagaan Lembu**

Lembu yang telah dibeli hendaklah disimpan di tempat yang selamat, diberi makan dan minum yang secukupnya, dijaga kesihatannya dan tidak digunakan untuk kerja-kerja.

## **Nama Peserta Korban & Aqiqah**

Lebih baik nama-nama peserta Korban & Aqiqah yang ada pada sijil-sijil yang telah diserahkan itu ditulis pada papan hitam semasa penyembelihan. Ambil gambar foto (jika boleh).

## **Persiapan Lembu Korban & Aqiqah**

Lembu-lembu hendaklah dahulu dibersihkan dengan air sebelum dibawa ke tempat penyembelihan iaitu di kawasan masjid atau surau. Peralatan penyembelihan dan pelapahan disediakan dahulu dan dibawa bersama.

## **Pengumuman Korban & Aqiqah**

Pengumuman kepada semua penduduk kampung hendaklah dibuat berkenaan ibadah Korban & Aqiqah yang akan disempurnakan.

## **Penyembelihan**

Pisau yang tajam hendaklah digunakan dengan lembu Korban & Aqiqah diikat dengan baik. Lembu dan penyembelih hendaklah mengadap kiblat. Mulakan dengan Bismillah dan boleh juga diiringi dengan salawat nabi dan doa. Niat penyembelihan ialah untuk peserta-peserta yang namanya ada pada sijil.

## **Agihan Daging Korban**

Daging lembu korban hendaklah diagih-agihkan dengan adil kepada penduduk kampung.

## **Jamuan Aqiqah**

Daging lembu Aqiqah hendaklah dimasak serta jamuan diadakan di masjid atau surau atau di tempat-tempat lain yang dipersetujui oleh Mufti atau Ketua Urus Setia.

## **Sijil Pengesahan Pelaksanaan**

Selepas ibadah Korban & Aqiqah disempurnakan, Sijil Pelaksanaan Korban & Aqiqah hendaklah dikembalikan kepada Ketua Urus Setia dengan kadar yang segera.







*Okhna Haji Othman Hassan mewakili Perdana Menteri Hun Sen*

“Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam.”

*Maksud Al-An'am :162*

Perasmian Masjid merupakan budaya umat Islam Kemboja untuk mengembangkan syiar Islam dalam negara yang bilangan umat Islamnya hanya 5% daripada jumlah 13 juta rakyat Kemboja. Tiga buah masjid telah dirasmikan pada hari-hari Raya Korban Eidul Adha tahun ini.



*Masjid Nikmatul - Islam Thol Por, Stoeng Trang*

Ternakan Aqiqah & Korban disembelih dan jamuan diadakan untuk meraikan ribuan penduduk-penduduk kampung yang hadir pada majlis perasmian masjid-masjid yang berkenaan.

*Masjid Nuruddin, Thbong Khmom*



*Masjid Al-Ridhwan, Krochmar*



“Bukankah korban itu termasuk ibadah yang menyelamatkan orang yakni menyelamatkan orang yang empunya daripada kejahatan dunia dan akhirat.” *Maksud Hadith*

Pada tahun ini, Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia (BAKIT) dan kakitangan Jabatan Mufti Johor telah menganjurkan program Korban Eidhul Adha di Kemboja yang diuruskan oleh Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.



*Lembu korban Mufti Johor sedang disempurnakan*

Lembu-lembu telah disembelih dan daging-daging diagihkan pada Hari Raya Korban dan dikawalselia secara langsung oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Yusof Said, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Umat Islam Kemboja dan Haji Sabri Kassim, Imam Masjid Chumnik merangkap Timbalan Setiausaha Negara Kementerian Pembangunan Luar Bandar Kemboja.



*Perasmian ibadah korban berkelompok di Masjid Chumnik, Krochmar*

31 ekor lembu korban telah disempurnakan bagi pihak ahli-ahli Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia.

7 ekor lembu korban telah disempurnakan untuk kakitangan dan ahli keluarga Jabatan Mufti Johor.

*Ukhwah Islamiah antara Umat Islam Nusantara Melayu bertambah erat*



## Rombongan Para Peserta Korban Eidhul Adha & Aqiqah 1425H

“Tiap-tiap sesuatu ada kuncinya, dan kunci syurga itu adalah mengasihi fakir miskin.”

*Maksud Hadith*



“Program ini bagus dan banyak memberi manfaat kepada masyarakat Islam di sini. Disamping membantu, kita dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan antara masyarakat Islam di Malaysia dan Kemboja.” *Fauziah Nordin*



“Melalui Program Korban & Aqiqah oleh syarikat Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd, seluruh keluarga umat Islam di Kemboja dapat dibekalkan dengan daging korban.” *Md Zahid Abdul Ghani*



*Ahmad Yusof sedang menyembelih lembu korban untuk dirinya dan keluarga*

*Ahli Rombongan:*

Hj Che Mazlan Saad

Ust. Jalaluddin Hassanuddin

Ust. Mohd Iskandar MYA

Hj Md Zahid Abdul Ghani

Hjh Fauziah Nordin

Hj Ahmad Yusof

Wan Rahimah Deraman

*Bersama membersihkan bahagian lembu dan mengagihkan daging korban*



“Gagal dan rugilah sesiapa yang hatinya tidak dianugerah sifat pemurah sesama manusia oleh Allah.” *Maksud Hadith*

Setiap tahun, Kemboja menghadapi musim kemarau yang boleh berlanjutan antara 4 hingga 6 bulan lamanya. Sistem bekalan air berpaip masih belum dapat disusun dengan baik dan bekalan air paip di kampung-kampung boleh dikatakan tidak wujud. Orang-orang kampung bergantung harap kepada air sungai, kolam ataupun perigi untuk keperluan air seharian.



*Kemarau di Kemboja*



### **Sumbangan Umat Islam Singapura**

Haji Mazlan Abdullah dan Puan Dzalilah Salleh, peserta Korban & Aqiqah Singapura telah dapat mengumpul dana daripada sahabat handai untuk pembinaan 82 perigi di seluruh Kemboja. 52 perigi telah siap dibina.

### **Sumbangan Umat Islam Malaysia**

Sedekah yang disalurkan melalui Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk membina 20 perigi. Setiap perigi diperuntukkan wang sebanyak USD100. Pihak Mufti Kemboja telah menetapkan imam-imam masjid dan tuan-tuan guru agama untuk bertanggungjawab melaksanakan projek ini.

*Air perigi merupakan nadi kehidupan di kampung-kampung*



## Penyampaian Laporan kepada Kedutaan Malaysia di Kemboja



“Jika kamu bersyukur, nescaya Ku-tambahkan nikmat kepadamu, tetapi jika kamu ingkar, maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih.” *Maksud Ibrahim :7*

Pada tanggal 24 Januari 2005, laporan program yang menyenaraikan tempat-tempat pelaksanaan ibadah Korban & Aqiqah mengikut nombor sijil penyertaan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Hj Zakaryya Adam, Ketua Urus Setia Program Korban & Aqiqah di Kemboja merangkap Setiausaha Negara Kementerian Agama dan Kepercayaan kepada Encik Salahuddin Yusof, First Secretary, Embassy of Malaysia di Phnom Penh, Kemboja.



*Okhna Haji Othman Hassan, Penasihat Perdana Menteri Kemboja menyaksikan penyerahan sijil di pejabat Mufti Kemboja*



*Ziarah Hormat para peserta Korban di Kedutaan Malaysia di Kemboja.*





*Lembaga Penasihat: Sohibus Samahah Okhna Haji Kamaruddin Yusof, Mufti Kerajaan Kemboja, Okhna Haji Othman Hassan, Penasihat Perdana Menteri dan Haji Zakaryya Adam, Setiausaha Negara Kementerian Agama dan Kepercayaan*



*Ustazah Norwariza Mohd Hed  
Ahli Urus Setia di Malaysia*



*Ustaz Ghazali Zakaria  
Ahli Urus Setia di Kemboja*

**Pengerusi**

Haji Che Mazlan Saad  
*Pengerusi Eksekutif*

**Pembantu Khas Pengerusi**

Ustazah Norwariza Mohd Hed

**Ketua Urus Setia di Malaysia**

Ustaz Jalaluddin Hassanuddin

**Urus Setia di Malaysia**

Iriani Asnawi  
Zairani A. Hamid  
Zamzurilariha Mat Ariffin  
Zulhalimi Anuar  
Norfadhlilah Zakaria

Siti Faizura Abd. Rahman

Mohd Rohaizal Hamid

Nor Azlin Ngah

Habib Benhadria

Mohd Nazri Nadzir

**Ketua Urus Setia di Kemboja**

Haji Zakaryya Adam

Setiausaha Negara Kementerian  
Agama & Kepercayaan

**Ketua Keselamatan**

Haji Sabri Kassim

Timbalan Setiausaha Negara  
Pembangunan Luar Bandar

**Wakil Urusan di Kompong Chnang**

Haji Hashim Yunus *Imam Daerah*

**Wakil Urusan di Phnom Penh, Kandal,**

**Takeo, Prey Veng, Svay Rieng, Kg Speu**

Ustaz Yusof Yahya *Pembantu Khas Mufti*

Ust. Abdul Wahid Abdullah *Guru Agama*

Ust. Ghazali Zakaria *Pembantu Khas Mufti*

**Wakil Urusan di Kompong Cham**

Haji Sabri Kassim *Timbalan Setiausaha*

*Negara*

Ust. Zahari Mohd. Daud *Guru Agama*

**Wakil Urusan di Kerachih**

Tuan Yusuf Said *Ahli Majlis Syura*

**Wakil Urusan di Pursat, Battambang**

**& Bondeay Mean Chey**

Hj Musa Sulaiman *Ahli Majlis Syura*

**Wakil Urusan di Kampot &**

**Kompong Som, Koh Kong**

Ustaz Zuhri *Ahli Majlis Syura*

**Wakil Urusan di Kompong Thom**

Haji Zuhdi Yusuf *Ahli Majlis Syura*

**Wakil Urusan di Siemreap**

Ust. Musa Salleh *Ahli Majlis Syura*

**Wakil Urusan di Rattanakiri,**

**Mondul Kiri**

Ustaz Syukri Kassim *Guru Agama*

### Kebaikan Bulan Ramadhan

*“Barangsiapa yang memberi makan saudaranya hingga kenyang lalu memberinya minum hingga hilang dahaga, nescaya Allah akan menjauhkannya dari api neraka sejauh tujuh jurang...”* Maksud Hadith

- Puasa dapat memelihara seseorang itu daripada perbuatan yang bercanggah dengan amal-amalan orang yang sedang beribadah seperti mengucap perkataan yang kesat dan mencela.
- Orang yang berpuasa akan bertambah dekat dengan Allah s.w.t kerana lapar dan dahaga itu sentiasa mengingatkan seseorang itu akan kehadiran serta perintah dan larangan Allah s.w.t.
- Kedudukan orang yang berpuasa itu amat tinggi nilainya di sisi Allah s.w.t bahkan mulut orang yang berpuasa disisi Allah lebih wangi baunya daripada bau kasturi.

### Penyertaan Korban dan Aqiqah Sebelum 15 Ramadhan 1426H

- Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. akan memperuntukkan 5% daripada yuran penyertaan untuk **Program Berbuka Puasa** bagi penyertaan ibadah korban & aqiqah yang diterima sebelum 15 Ramadhan 1426H bersamaan 19 Oktober 2005.
- Lembu-lembu ibadah aqiqah akan disempurnakan dan jamuan aqiqah dibuat pada bulan Ramadhan bagi penyertaan yang diterima antara 15 Syaaban 1426H sehingga 15 Ramadhan 1426H.

### Kelebihan Memberi Makan Pada Bulan Ramadhan

- Allah akan memberikan ganjaran pahala yang besar yang tidak ternilai kepada hambanya yang memberi makan fakir miskin.

*“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi”*

Maksud Al-Imran : 92

Sumbangan untuk majlis berbuka puasa bolehlah disalurkan terus pada Mufti Kerajaan Kemboja di akaun berikut:

Nama Akaun: **Mufti of Cambodia**

No. Akaun: **00001 / 02 / 001136 / 07**

Bank: Maybank, **Phnom Penh Branch**

Alamat: No.3, Street 114 (Kramoun Sar), Phnom Penh, Cambodia

Emelkan maklumat sumbangan kepada: **[mufti\\_of\\_cambodia@cttnet.com.kh](mailto:mufti_of_cambodia@cttnet.com.kh)**

# BORANG KORBAN / AQIQAH DI KEMBOJA

Poskan kepada: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. 2-1, 1st Floor, Jalan 9 / 23A, Medan Makmur  
Off Jalan Usahawan, 53200 Setapak Kuala Lumpur

(Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang)

Nama : .....

Alamat : .....

..... No K/P (Baru) : .....

Tel. Rumah / Pejabat : ..... Tel. Bimbit : .....

Saya seperti nama dan alamat di atas mewakilkan pelaksanaan **Korban / Aqiqah** di Kemboja pada tahun 1426H kepada Pengerusi Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja 1425H sebanyak :

bahagian **LEMBU**  ekor **KAMBING** atas nama-nama berikut:

SILA GUNAKAN HURUF BESAR

**KORBAN**  **AQIQAH**

Bil	Nama	Bhg. / Ekor
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		

**Satu bhg. Lembu Aqiqah: RM 250.00 / Satu Ekor Kambing RM395.00**

**Satu bhg. Lembu Korban: RM205.00**

JUMLAH RM

**YURAN PENYERTAAN** : Penyertaan boleh dibatalkan dalam tempoh bertenang 10 hari

Bersama ini disertakan Tunai / Kiriman Wang / Wang Pos / Cek no. : ..... bernilai RM ..... atas nama **Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.**

Bersama ini disertakan salinan Slip Bank pembayaran yang telah dibuat melalui akaun **Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.**

**BIMB (Jln Tun Razak KL)**

No. Akaun : **14032010015955**

**MAYBANK (Tmn Setiawangsa KL)**

No. Akaun : **562188100158**

Sila tuntutan bayaran daripada kad kredit saya:  **VISA**  **MASTERCARD**

Nombor Kad Kredit

Tarikh Luput Kad : .....

Tarikh : .....

(Tempoh bertenang dikira dari tarikh ini)

.....

Tandatangan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
Tarikh Terima	
No. Resit	
No. Sijil	
Tarikh Hantar	





“Bermurah hatilah kamu terhadap orang-orang di bumi agar yang di langit bermurah hati kepadamu.”

*Maksud Hadith*